

18/02/2003

Mesyuarat tidak rasmi OIC bincang pelbagai isu

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang diadakan sehari selepas Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali

(NAM) pada 26 Februari ini, bukan khusus bagi membincangkan krisis Iraq.

Sebaliknya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ia adalah satu perbincangan tidak rasmi di kalangan ketua kerajaan negara Islam yang menghadiri sidang NAM ke-13 di sini. Sebanyak 40 daripada 57 anggota OIC adalah juga anggota NAM.

"Kita juga akan menjemput negara Islam lain (yang bukan anggota NAM) untuk menghadiri mesyuarat khas OIC di sini," kata Perdana Menteri selepas

menyaksikan raptai penuh majlis perasmian Sidang Kemuncak NAM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.

Cadangan Malaysia untuk mengadakan sidang tergepar OIC selepas NAM di sini ditolak Qatar, Pengerusi OIC sekarang. Malaysia akan mengambil alih jawatan Pengerusi OIC menjelang Oktober ini.

Mesyuarat khas OIC Kuala Lumpur yang dijadualkan pada 26 Februari ini dijangka membincangkan isu membabitkan umat Islam sejagat masa kini, termasuk rancangan perang terhadap Iraq yang diketuai Amerika Syarikat.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata beliau tidak ada berhubung dengan Presiden Mesir Hosni Mubarak untuk meminta ditangguhkan sidang kemuncak Liga Arab pada akhir bulan ini.

Perdana Menteri bagaimanapun berharap cadangan sidang kemuncak Liga Arab

itu tidak bertembung dengan rancangan Malaysia untuk mengadakan satu mesyuarat khas OIC.

Dr Mahathir berkata, apa yang diharapkan ialah supaya sidang Liga Arab itu diadakan selepas sidang khas OIC.

"Tetapi menteri-menteri luar (Liga Arab) mungkin mengadakan mesyuarat lebih awal," katanya.

Bagaimanapun, laporan laman web stesen televisyen Al-Jazeera petang semalam menyatakan bahawa menteri luar negara Arab gagal mencapai kata sepakat mengenai bila hendak mengadakan sidang kemuncak Liga Arab di Kaherah yang pada asalnya dijangka diadakan hujung bulan ini.

Menteri luar berkenaan menamatkan mesyuarat mereka di ibu negara Mesir itu semalam tanpa mengambil sebarang keputusan mengenai tarikh sidang kemuncak itu yang dicadangkan oleh Mesir bagi membincangkan krisis Iraq.

Sebaliknya, mereka mengeluarkan kenyataan meminta negara-negara Arab supaya bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keamanan Iraq dan Kuwait.

Kenyataan itu juga menekankan sebarang ancaman terhadap mana-mana negara

Arab adalah ancaman ke atas seluruh bangsa Arab dan mana-mana negara Arab

tidak harus memberi kemudahan atau pertolongan kepada kempen ketenteraan terhadap Iraq.

Setiausaha Agung Liga Arab, Amr Moussa, berkata mesyuarat menteri-menteri luar Arab bersetuju memberi mandat kepada Mesir untuk menentukan

tarikh baru bagi sidang kemuncak berkenaan.

Laporan itu memetik sumber Liga Arab sebagai berkata, kegagalan dalam menentukan tarikh sidang kemuncak Arab berlaku kerana perpecahan berikutan persoalan berhubung siapa yang harus ditekan bagi mengatasi krisis Iraq - Baghdad atau Washington.